

info

usahawan

issue
1/21

nota minda masmed

penjenamaan
semula

fenomena
zamsaham

elon musk.

VISIONARI
MEREVOLUSI
DUNIA

9 771823 642005

ISSN 1823-6421

Program Subsidi Upah Kepada Usahawan Kecil & Sederhana

Ahmad Marzuki Amiruddin Othman, Musmailina Mustafa Kamal,
Nor Hafizah Abd Mansor
Fakulti Perakaunan, Universiti Teknologi MARA Cawangan Segamat, Johor.



Encik Adam, seorang usahawan rangkaian chalet di Terengganu, berasa buntu memikirkan masa depan perniagaan yang telah diusahakannya semenjak 10 tahun lalu. PKP yang berterusan menyebabkan kemerosotan serius dalam perniagaannya. Di samping itu, beliau juga mencari cara untuk mengekalkan 30 pekerja yang telah bersamanya sejak penubuhan syarikat itu. Dengan mengambilkira rintihan usahawan PKS seperti Encik Adam, yang teruk terjejas oleh wabak Covid-19, Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin mencadangkan melalui bantuan pada 18 Januari 2021 beberapa rancangan rangsangan ekonomi melalui bantuan “Perlindungan Ekonomi dan Rakyat Malaysia” (PERMAI) berjumlah RM15 billion berbentuk bantuan subsidi dan percukaian. Antara bantuan PERMAI meliputi Program Subsidi Upah (PSU) 3.0 di mana pemberian PSU akan dilanjutkan kepada majikan PKS yang memenuhi syarat.

PROGRAM SUBSIDI UPAH (PSU)

Program Subsidi Upah (PSU) merupakan bantuan kewangan yang diberikan kepada majikan PKS bagi membantu mereka yang terkesan dari segi ekonomi akibat COVID-19 agar dapat meneruskan operasi serta mengelakkan pekerja kehilangan pekerjaan. Antara kesan Covid-19 yang teruk melanda PKS adalah di mana berlakunya penurunan pendapatan, peningkatan kos, tidak dapat membayar sewa kedai serta hutang perniagaan sehingga akhirnya terpaksa ‘gulung tikar’. Data yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Negara merekodkan kadar pengangguran meningkat sebanyak 5% atau 778,800 pada April 2020, sementara rekod pemberhentian pekerja yang dilaporkan kepada Perkeso berjumlah 48,727 orang dari Januari hingga 30 Jun 2020. Sektor paling terjejas terdiri dari sektor perkhidmatan, pembuatan, penginapan, makanan, kesenian, hiburan dan rekreasi. PSU dapat membantu perniagaan PKS untuk tidak memberhentikan pekerja sesuka hati, juga tidak boleh memotong gaji pekerja atau memaksa pekerja untuk mengambil cuti tanpa gaji.

PSU telah ditawarkan oleh kerajaan secara berperingkat iaitu PSU 1.0, PSU 2.0 dan PSU 3.0. PSU 3.0 akan memberi manfaat kewangan kepada 70,000 perniagaan PKS serta 90,000 pekerja PKS. Setiap pekerja bakal menerima sebanyak RM600 sebulan dan inisiatif ini dianggap berkesan kerana terdapat pengurangan bantuan yang ketara antara PSU 3.0 berbanding dengan PSU sebelumnya. Sebagai perbandingan:



Pengurangan bantuan kewangan:	PSU 1.0 berjumlah RM13.5 bilion, sementara PSU 3.0 hanya sebanyak RM1.5 bilion.	Penjimatan sebanyak RM12.0 bilion
Pengurangan Pekerja yang menerima manfaat:	PSU 1.0 berjumlah 2.63 juta, dibandingkan dengan 90,000 pekerja pada PSU 3.0.	Pengurangan sebanyak 1.73 juta penerima

Ini sedikit sebanyak membuktikan keberkesanan pakej ransangan ekonomi dalam mengeluarkan PKS dari belenggu kerugian yang melanda tatkala bermulanya PKP. Untuk melayakkan PKS memperoleh manfaat dari PSU 3.0, syarat-syarat berikut harus dipatuhi:

Warganegara Malaysia.

Masih aktif menjalankan perniagaan.

Pekerja seramai 200 – 500 orang dengan pendapatan pekerja kurang dari RM4,000.

Kadar penurunan pendapatan PKS sebanyak lebih 50% berbanding Januari 2020.

Tidak memberhentikan pekerja selama 6 bulan setelah menerima PSU.

Mendaftar bantuan PSU di perkeso.gov.my.

Diringkaskan pelaksanaan PSU yang telah ditawarkan oleh kerajaan secara berperingkat:

PSU	PAKEJ	TARIKH PERMOHONAN	SEKTOR PENGKHUSUSAN	HAD BIL PEKERJA	TEMPOH PSU
1.0	PRIHATIN dan PENJANA	1 April – 30 September 2020	Semua sektor	200	6 bulan
2.0	KITA PRIHATIN 1	1 Oktober – 31 Disember 2020	Semua sektor	200	6 bulan bagi permohonan baru
3.0	BELANJAWAN 2021	1 Januari– 30 Jun 2021	Pelancongan & runcit	500	6 bulan bagi permohonan baru
	PERMAI	19 Januari 2021 – 30 Jun 2021	Semua sektor di negeri yang terlibat dengan PKP	500	1 bulan

Hasil dari pelaksanaan PSU melalui pakej ransangan ekonomi kerajaan diakui amat membantu PKS untuk meneruskan kelangsungan operasi mereka seperti yang diperakui oleh

Pengarah Eksekutif, Persekutuan Majikan Malaysia, Datuk Shamsuddin Bardan. Kesan pemulihan ekonomi tersebut menyaksikan PKS dibantu dan mengurangkan masalah pengangguran negara sebanyak 1.3 bilion pekerja. Sekiranya 'trend' ini berterusan, nescaya Malaysia akan berjaya memantapkan lagi pencapaiannya di dalam sektor ekonomi melalui PKS.

Rujukan

<https://www.perkeso.gov.my>

<https://twitter.com/bernamadotcom>

<https://www.bernama.com/en/>

<https://www.crowe.com/my/news/permai-tax-measures-and-subsidies>

<https://www.crowe.com/my/news/malaysia-kita-prihatin-economic-stimulus-package-2020>

<https://www.nst.com.my/news/government-public-policy/2020/11/639865/wage-subsidy-programme-26mil-workers-322k-employers>

<https://www.nst.com.my/news/nation/2020/11/641195/retaining-workers-wage-subsidies>

<https://www.nst.com.my/news/nation/2020/09/626703/mef-welcomes-latest-wage-subsidy-programme>

<https://www.nst.com.my/news/nation/2020/09/626890/wage-subsidy-20-helps-sustain-businesses-employees>

<https://www.nst.com.my/news/nation/2020/09/627185/kita-prihatin-mef-praises-wage-subsidy-programme>

<https://www.nst.com.my/news/nation/2020/09/627121/jobs-secure-thanks-wage-subsidy-programme>

<https://www.nst.com.my/news/nation/2020/09/627814/i-used-bpn-restart-my-business>

<https://www.thestar.com.my/news/nation/2020/11/06/wage-subsidy-programme-extended-another-three-months>

<https://www.mef.org.my>



